# KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK/ BEKALAN MAKANAN KE ASRAMA SEKOLAH DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN FASA 3 TAHUN 2026

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah **Senarai Kod Bidang Bekalan/Perkhidmatan di bawah Bidang, Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang 040103 - Makanan Bermasak Islam yang masih sah dan berkuatkuasa.**
2. Tender dilaksanakan melalui sistem e-Perolehan secara atas talian sepenuhnya serta boleh diakses di halaman **https://www.eperolehan.gov.my**. Pembekal-Pembekal yang ingin menyertai tender ini MESTILAH berstatus eP-enabled (mempunyai ID log masuk dan Sijil Digital yang telah diaktifkan). **Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk *(key-in)* ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender.**
3. Pelawaan tender boleh mulai diakses melalui sistem ePerolehan **selepas jam 12.00 tengah hari, 17 November 2026 (Selasa).**
4. Tarikh tutup pelawaan tender adalah pada **12.00 tengah hari, 8 Disember 2026 (Selasa).**
5. Kementerian Pendidikan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
6. Tawaran tender **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
   a. Petender **GAGAL** memuat naik **dokumen wajib dengan lengkap** ke dalam sistem ePerolehan**;** atau
   b. Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap dalam sistem ePerolehan.
7. Keputusan tender adalah **MUKTAMAD DAN SEBARANG SURAT MENYURAT TIDAK AKAN DILAYAN**.
8. Senarai tender adalah seperti berikut:

| BIL | KOD TENDER | NAMA SEKOLAH/ INSTITUSI | BILANGAN MURID | HARGA INDIKATIF JABATAN (HIJ) (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL** | | | | |
| 1 | QT260000000032494 | KOLEJ VOKASIONAL SLIM RIVER | 918 | RM18,592,474.32 |
| **BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH** | | | | |
| 1 | QT260000000032507 | SM SAINS SEMBRONG | 820 | RM16,719,242.40 |
| **JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA** | | | | |
| 1 | QT260000000032398 | SM IMTIAZ ULUL ALBAB MELAKA | 300 | RM5,764,122.00 |

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEROLEHAN

# PENETAPAN SKEMA PENILAIAN (TEKNIKAL & KEWANGAN)
# TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH PENDIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN
# FASA 3 TAHUN 2026

| BIL | PERKARA | DOKUMEN |
|---|---|---|
| 1. | **Senarai Semak Pematuhan**<br>Tender Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak di KPM Fasa 3 Tahun 2026 | **LAMPIRAN A** |
| 2. | **Penilaian Teknikal**<br>Tender Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak di KPM Fasa 3 Tahun 2026 | **LAMPIRAN B** |
| 3. | **Penilaian Kewangan**<br>Tender Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak di KPM Fasa 3 Tahun 2026 bagi Sekolah Kategori A | **LAMPIRAN C** |
| 4. | **Penilaian Kewangan**<br>Tender Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak di KPM Fasa 3 Tahun 2026 bagi Sekolah Kategori C | **LAMPIRAN D** |

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEROLEHAN

**LAMPIRAN A**

# SENARAI SEMAK PEMATUHAN

## TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK DI KPM FASA 3 TAHUN 2026

| BIL | PERKARA | JENIS DOKUMEN/ KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Pengisytiharan maklumat syarikat dalam perolehan kerajaan | Borang Pengisytiharan maklumat syarikat dalam perolehan kerajaan |
| 2. | 3 bulan Penyata Bank | Borang penyata bulanan akaun Bank |
| 3. | Pengesahan Penyata bank | Penyata Bank yang telah disahkan oleh Institusi Kewangan untuk tiga bulan. |
| 4. | Aset dan liabiliti | Borang maklumat aset dan liabiliti |
| 5. | Kunci Kira-kira | Penyata Kunci kira-kira yang telah diaudit |
| 6. | Akuan Sumpah Aset & Liabiliti (ROB sahaja) | Borang Akuan Sumpah Aset & Liabiliti |
| 7. | Maklumat Simpanan | • Borang maklumat Jumlah Simpanan Lain<br>• Dokumen sokongan |
| 8. | Kemudahan Kredit | Borang Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit |
| 9. | Sijil PKKM, KKM | Pensijilan Trust My Catering/ Borang Permohonan Bekal 2.0_02) |
| 10. | Sijil Kursus Pengendali Makanan | Sijil Kursus Pengendali Makanan |
| 11. | Pengisytiharan Pemunya Benefisial | Borang Pengisytiharan BO |
| 12. | Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa | Borang Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah (Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa |
| 13. | Pematuhan TCC | Sijil Pematuhan TCC |
| 14. | Maklumat ADI *Protege* | Borang Maklumat ADI *Protege* |

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEROLEHAN

**LAMPIRAN B**

## PENILAIAN TEKNIKAL

## TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK DI KPM FASA 3 TAHUN 2026

| BIL | PERKARA | SKOR (%) |
|---|---|---|
| 1. | Maklumat penggajian pekerja | 20 |
| 2. | Senarai jenama bahan-bahan makanan yang digunakan | 20 |
| 3. | Skop perkhidmatan (pekerja, peralatan, pengendalian bahan mentah, hidangan dan kebersihan) | 20 |
| 4. | Spesifikasi perkhidmatan (bahan mentah/makanan dan peralatan) | 20 |
| 5. | Menu sajian | 20 |
| | **JUMLAH MARKAH** | **100** |
| | **MARKAH LULUS** | **80%** |

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEROLEHAN

**LAMPIRAN C**

## PENILAIAN KEWANGAN

## TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK DI KPM FASA 3 TAHUN 2026 BAGI SEKOLAH KATEGORI A

| BIL | PERKARA | SKOR (%) |
|---|---|---|
| 1. | Julat harga | **1** |
| 2. | Analisis Kecukupan Modal | **60** |
| 3. | Elemen Lain<br>- Maklumat Pembekal (Lokaliti)<br>- *Financial Ratio*<br>- Pengalaman syarikat (Kod bidang 040103) | **39** |
| | **JUMLAH MARKAH** | **100** |
| | **MARKAH LULUS** | **70%** |

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEROLEHAN

**LAMPIRAN D**

## PENILAIAN KEWANGAN

## TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK DI KPM FASA 3 TAHUN 2026 BAGI SEKOLAH KATEGORI C

| BIL | PERKARA | SKOR (%) |
|---|---|---|
| 1. | Julat harga | **1** |
| 2. | Analisis Kecukupan Modal | **60** |
| 3. | Elemen Lain<br>- Maklumat Pembekal | **39** |
| | **JUMLAH MARKAH** | **100** |
| | **MARKAH LULUS** | **70%** |